

Saliran air tersumbat

Peniaga kesal, tanah yang dikorek dibiarkan tanpa ditambak semula



Sistem perparitan yang dibina tidak sempurna sehingga menimbulkan bau busuk.



ZULKIFLI



CHOON HEONG



KHAIRUDDIN

KELANANG - Beberapa peniaga kesal dengan tindakan pihak yang bertanggungjawab yang tidak menjalankan kerja penyelenggaraan dengan sempurna sehingga menyebabkan saliran air tersumbat di belakang kedai mereka.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, terdapat kesan tanah yang dikorek dan dibiarkan tanpa ditambak semula bersebelahan kedai kopi di Pekan Kelanang.

Peniaga, Mohd Zulkifli Atan, 48, berkata, dia tidak menyangka sistem perparitan yang dibina memberi kesan buruk kepada peniaga apabila penyelenggaraan yang dilihat seperti hanya asal siap.

Lokasi pembiakan nyamuk

Menurutnya, bukan sahaja keadaan struktur simen bersebelahan deretan kedainya ro-

sak, tetapi ia turut menjadi lokasi pembiakan nyamuk.

"Kami bukan mahu meniadakan projek menaiktaraf itu, tapi kerja penyelenggaraan perlulah elok dan tidak menyebabkan pembiakan nyamuk.

"Kawasan ini pernah diklasifikasikan sebagai kawasan merah. Apabila sistem perparitan yang dibina tidak sempurna, ia menimbulkan bau busuk," katanya.

Katanya, dia pernah membuat aduan kepada pemimpin setempat tetapi mereka mendakwa itu bukan kerja mereka dan sudah diserahkan kepada pihak bertanggungjawab.

"Saya sudah memanjangkan perkara ini kepada Kementerian kesihatan tetapi sehingga ke hari ini masih tiada lagi sebarang jalan penyelesaian dibuat," katanya.

Bagi Tan Choon Heong, 48, berkata, sebelum ini tidak timbul masalah pengaliran air

dan bau busuk tetapi sejak sebulan lalu, peniaga terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah.

Menurutnya, bagaimana dia hendak meneruskan perniagaan jika setiap hari pelanggan terpaksa menghidu bau busuk.

"Saya juga dimaklumkan kawasan itu sudah termasuk sebagai kawasan wabak denggi, namun sehingga kini masih lagi tiada sebarang pementauan dibuat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pelanggan, Khairuddin Jamian, 51, berkata, hampir setiap hari dia minum di kedai kopi berhampiran dan berasa hairan melihat saliran parit di kawasan itu seperti disiapkan secara tergesa-gesa dan tidak sempurna.

"Bimbang juga jika peniaga dan penduduk berhampiran berdepan dengan risiko demam denggi jika masalah ini terus berlarutan tanpa dipantau," katanya.



Zulkifli menunjukkan aliran air yang tersekat.

Jemput Hadir

PESTA BUKU

kembali ke sekolah

BERTEMPAT DI :

Ole-Ole : 21 Disember 2013 - 1 Jan 2014

1 Plaza : 20 Disember 2013 - 5 Jan 2014

Tesco : 10 Disember 2013 - 5 Januari 2014







Diskaun Sehingga 60%

Sinar

@ TESCO SETIA ALAM 1 PLAZA KUALA SELANGOR

Dapatkan buku-buku terbaru, alat tulis, dan kelengkapan sekolah

Disokong Oleh :





